

**PERLINDUNGAN DIRI DI HUTAN DARIPADA PENYAKIT BAWAAN PERSONALISTIK: PERSPEKTIF MASYARAKAT MELAYU KEDAH**

**SELF-PROTECTION FROM PERSONALISTIC-BORNE DISEASES IN THE FOREST:  
KEDAH MALAY CULTURAL PERSPECTIVE**

**Muhd Abdul Hadi Johari  
Ahmad Hakimi Khairuddin**  
Universiti Malaya  
50603 Kuala Lumpur, Malaysia  
Akademi Pengajian Melayu

Email : muhdabdulhadi90@yahoo.com  
hakimi.arkeo@gmail.com

**Abstrak**

Asas kehidupan masyarakat Melayu terbina di pedalaman. Banyak daripada kegiatan harian mereka berurusan dengan hutan. Hutan pula adalah tempat tinggal agen personalistik (hantu), dengan makhluk itu boleh mendatangkan penyakit kepada manusia pada bila-bila masa sahaja. Objektif makalah ini untuk menyingkap rupa bentuk perlindungan diri masyarakat Melayu Kedah yang dipraktiskan untuk tujuan perlindungan diri dari makhluk tersebut. Kaedah penyelidikan di lapangan, iaitu temu bual mendalam dan kaedah pemerhatian ikut serta telah dipilih sebagai kaedah pengumpulan data bagi kajian ini. Penyelidikan di lapangan telah dijalankan melebihi tempoh satu tahun, iaitu dari bulan Jun 2014 sehingga bulan Ogos 2015. Temu bual mendalam telah dilakukan terhadap 24 orang informan yang terdiri daripada 13 orang warga tua yang berumur 60 tahun dan ke atas, dengan tiga (3) daripadanya adalah bomoh perubatan tradisional. Profil informan yang lain pula ialah golongan dewasa (empat orang) serta anak muda (tujuh orang). Didapati hantu merupakan entiti yang paling berbahaya dalam masyarakat

Melayu Kedah. Prinsip perlindungan diri masyarakat setempat dibina menerusi proses adaptasi dengan ekologi tempatan, dengan asas perlindungan diri itu telah diaplikasi di setiap proses menuju ke hutan, sama ada ketika di hadapan pintu rumah, di pinggir hutan, di dalam hutan, mahupun di hadapan pintu rumah itu semula, dengan setiap asas tersebut berfungsi dengan baik di posisi masing-masing.

**Kata Kunci:** Perlindungan Diri, Hutan, Etiologi Personalistik, Hantu

### **Abstract**

One particular basic life style of the Malays is based upon the inland adaptation. Most of the daily activities of the Malay inland community involves the forest. The forest is the home for personalistics agents or ghosts. The Malay community believes that the entities can make humans ill or sick at any time. The main objective of this study is to reveal the shape of self-protection that is practiced by Malay community in order to protect themselves from these ghosts, with special reference to the Kedah cultural practices. This study uses in-depth interviews and participant observation. Field work was carried out over a period of one year between June 2014 and August 2015. In-depth interviews were conducted with 24 Malay informants, consisting of 13 elderly individuals aged 60 years and over, which includes three (3) traditional healers. Other informants include adults (four informants) and adolescents (seven informants). This study found that ghosts are considered dangerous entities by the Kedah Malay community. The principles of self-protection practiced by the Malay community including all their interactions with the forest, starting from when they exit house, on the edge of the forest, in the forest, and finally coming back to the house.

**Key words:** Self-Protection, Forest, Personalistic Etiology, Ghost

## 1.0 Pengenalan

Objektif makalah ini adalah untuk menyingkap rupa bentuk perlindungan diri masyarakat Melayu Kedah ketika di hutan daripada makhluk halus atau hantu. Ini kerana kegiatan harian masyarakat setempat banyak berurusan dengan hutan. Kegiatan memburu binatang misalnya, tidak dapat tidak terpaksa melalui kawasan hutan yang berbukit-bukau dan berhutan tebal. Begitu juga dengan kegiatan mengutip hasil hutan, mencari sumber herba, mahupun mencari pokok kayu untuk membina rumah atau teknologi pertanian. Sedangkan, kawasan sebegini adalah kawasan ‘keras’.’Keras’ dalam konteks ini merujuk kepada kawasan yang didiami oleh makhluk halus. Justeru, sudah tentu di setiap ruang kawasan tersebut terdapat ancamannya yang tersendiri, khususnya penyakit, yang boleh didatangkan kepada manusia pada bila-bila masa sahaja. Berhubung penyakit, etiologinya secara umum dipercayai oleh masyarakat Melayu ada dua, iaitu personalistik dan naturalistik (Foster & Anderson 1978:53; Foster 1983:19; Hart 1979:59; Koharuddin 2003:36; Ros 2012:25) dan ditambah satu lagi oleh Aishah dan Abd Aziz (2010:31), iaitu emosi.

Namun, makalah ini hanya memberi perhatian terhadap penyakit yang dietiologi oleh personalistik sahaja, iaitu gangguan hantu, khususnya ketika di hutan. Personalistik dirumus oleh Foster dan Anderson (1978:53) serta Murdock 1980 (mengikut Hashim 1990:107) sebagai penyakit yang dipercayai berpunca oleh gangguan agen yang berupa kuasa-kuasa ghaib. Kuasa-kuasa ghaib dalam konteks kajian ini merujuk kepada hantu atau roh nenek moyang. Entiti ini dipilih kerana di alam Melayu Kedah, hantu diduksikan sebagai entiti yang paling berbahaya dan digeruni oleh masyarakat setempat semenjak

dahulu lagi. Hantu dikatakan memiliki kudrat (kekuatan fizikal, pergerakan pantas, kebolehan menghaibkan diri, serta keupayaan menjelaskan diri kepada makhluk lain), dengan kudrat yang dimiliki itu boleh digunakan sama ada secara langsung, mahupun tidak langsung (menerusi makhluk-makhluk lain, misalnya alam sekitar, makanan, al-Quran, serta mantera) untuk menghubungkan penyakit kepada manusia. Bentuk ancaman tersebut ada berbagai. Misalnya, rasukan, menghisap darah, dan menggigit tubuh mangsa. Justeru, objektif makalah ini mempunyai kaitan dengan perbincangan tersebut, iaitu untuk mengetahui apakah bentuk perlindungan diri yang dipraktiskan oleh masyarakat Melayu Kedah untuk melindungi diri dan kehidupan mereka daripada ancaman makhluk tersebut sebagai menjamin kesejahteraan dan kelangsungan hidup, terutama ketika mengunjungi hutan.

## **2.0 Kawasan dan Kaedah Kajian**

Kajian lapangan telah dijalankan di Kampung Keledang, Daerah Baling, Kedah. Daerah ini dipilih kerana posisinya masih lagi berada di luar bandar. Penempatan-penempatan penduduknya pula, terutama Kampung Keledang, masih lagi terletak di kawasan pedalaman, iaitu berhampiran dengan sungai dan bukit-bukau. Kerja-kerja pertanian dan perhutanan pula menjadi kegiatan utama ekonomi penduduk kampung. Selain rata-rata penduduknya, terutama warga tua masih lagi mempraktikkan segala amalan nenek moyang mereka, terutama amalan yang berkait dengan perlindungan diri di hutan. Dari segi kaedah kajian pula, terutama proses memungut data, kajian ini telah memilih kaedah penyelidikan di lapangan, iaitu temu bual mendalam dan kaedah pemerhatian ikut serta. Penyelidikan di lapangan telah mengambil masa melebihi tempoh satu tahun, iaitu dari bulan Jun 2014 sehingga bulan Ogos 2015. Temu bual mendalam telah dilakukan

terhadap 24 orang informan yang terdiri daripada berbagai peringkat umur dan profil. Namun, tumpuan utama lebih terarah kepada warga tua yang berumur 60 tahun dan ke atas. Seramai 13 orang warga tua telah ditemui bual, dengan tiga daripadanya terdiri daripada bomoh perubatan tradisional. Mereka benar-benar arif berhubung sistem kepercayaan tempatan serta masih lagi aktif melakukan kerja-kerja pertanian dan penerokaan hutan. Profil-profil yang lain pula terdiri daripada golongan dewasa (empat orang) serta anak muda (tujuh orang).

## **2.1 Hantu dan Kepercayaan Etiologi Penyakit**

Secara tradisinya, masyarakat Melayu Kedah adalah masyarakat kampung. Kehidupan mereka terbina di tengah-tengah lingkungan tabii yang menempatkan berbagai elemen fizikal, seperti pokok kayu, batu-batuan, sungai, dan binatang. Lingkungan tabii itu juga turut dikongsi dan dihuni oleh suatu makhluk yang lain lagi, iaitu hantu. Hantu merujuk kepada roh atau jiwa yang berasal daripada orang jahat yang telah mati dan rohnya tidak diangkat oleh Allah ke langit akibat kejahatannya. Justeru, mereka mula berkeliaran di alam dunia. Elemen-elemen di alam dunia, seperti pokok besar, batu-batuan, sungai, gua mahupun bukit-bukau mula ditumpangi oleh makhluk ini sebagai asas untuk tempat tinggal. Namun, dimensi alam makhluk tersebut tidak dapat ditanggapi oleh pancaindera manusia kerana bersifat ghaib. Oleh kerana makhluk ini dikatakan mempunyai kudrat yang melebihi kudrat manusia, seperti kekuatan fizikal, pergerakan pantas, kebolehan menghaibkan diri, serta keupayaan menjelmakan diri kepada makhluk lain. Maka, manusia mula mendekati sebahagian daripada makhluk ini. Alat perhubungan yang digunakan ialah upacara ritual (menjamu hantu dengan makanan tertentu, seperti darah kambing, ayam kampung, dan telur ayam kampung). Tujuannya ialah untuk memanggil

makhluk tersebut mendatangi manusia sebagai tujuan untuk mengeksplorasi kudrat mereka untuk kepentingan diri manusia. Contohnya, sesetengah hantu, misalnya Hantu Raya atau Hantu Tanah telah diseru dan diberi makan sebagai tujuan untuk mengesplorasi kudrat mereka untuk melakukan kerja-kerja fizikal yang berat, seperti menanam padi, mengawasi haiwan ternakan, serta mengajar berbagai ilmu kebatian kepada manusia, seperti ilmu penjinakan haiwan, perlindungan diri, serta perbomohan. Selain itu, kepercayaan berhubung hantu dan perkaitannya dengan penyakit pula dicetuskan oleh idea yang dibentuk oleh pengalaman dan proses sosialisasi nilai. Pengalaman-pengalaman fizikal, seperti dirasuk hantu (akibat makhluk ini memegang semangat dan mental mangsa), tubuh kelihatan pucat dan lemah (akibat makhluk ini memakan empat unsur penting tubuh, iaitu sejuk, panas, api, dan angin), sakit di seluruh tubuh (akibat makhluk ini menghisap darah, menggigit tubuh, mahupun menyekat pergerakan darah ke seluruh anggota tubuh), terlihat kelibat bayang di sebalik pokok, atau kejadian hantu belaan memakan tuan (kerana tuanya gagal menyediakan bahan-bahan jamuan akibat sudah lanjut usia atau uzur) adalah antara contoh-contoh pengalaman yang menumbuhkan idea untuk mengaitkan hantu dengan penyakit. Apatah, perkara itu disahkan pula kebenarannya oleh bomoh sebagai individu yang dianggap pakar oleh penduduk setempat berhubung perkara tersebut. Kebetulannya, individu yang lain juga turut mengalami perkara yang serupa di tempat yang sama atau di tempat-tempat yang lain. Maka, idea mengaitkan hantu dengan etiologi penyakit tidak dapat lagi ditolak. Lantas, perkara itu dianggap benar, dipegang teguh, serta disampaikan kepada orang lain sebagai melanjutkan kebenaran.

Empat faktor yang dirumuskan oleh penduduk setempat sebagai asas makhluk tersebut mengenakan penyakit kepada manusia. Pertama, hantu berasa terancam dengan perbuatan manusia. Perbuatan memetik bunga-bungaan atau mengambil buah-buahan tanpa meminta kebenaran misalnya atau perbuatan membina struktur kekal (contohnya rumah) di atas 'kawasan' makhluk tersebut adalah antara contoh perbuatan manusia yang mengganggu kehidupan makhluk tersebut. Kedua, hantu itu sendiri yang berniat jahat untuk menyakiti manusia. Makhluk itu hakikatnya memiliki kekuatan yang mengatasi kekuatan manusia. Justeru, kelebihan itu sering digunakan oleh makhluk tersebut, terutama hantu jahat untuk menganiayai manusia, lebih-lebih lagi orang yang bersemangat lemah. Ketiga, hantu meminati manusia, terutama manusia yang suka mengunjungi hutan. Perasaan itu disertakan dengan tindakan menghuni badan mangsa. Kesannya akan dialami oleh mangsa sendiri. Misalnya, mangsa mungkin akan mengalami kemurungan, meracau, atau penyakit gila. Ia kerana unsur tubuh manusia berbeza dengan unsur tubuh makhluk tersebut. Justeru, keberadaan makhluk tersebut di dalam tubuh manusia akan memberi kesan kepada tubuh manusia itu sendiri. Keempat, manusia tidak menjamu (memberi makan) hantu. Hal itu hanya berlaku terhadap individu yang memelihara makhluk tersebut sahaja. Halangan faktor umur dan keuzuran menyebabkan mangsa tidak dapat menjamu mereka dengan sempurna (misalnya gagal menyediakan darah kambing) sebagai mana ketika muda. Perkara itu menimbulkan kemarahan makhluk tersebut. Lantas, mereka mengenakan berbagai jenis penyakit kepada manusia sebagai balasan di atas kegagalan tersebut. Pengalaman-pengalaman sedemikian telah menyedarkan manusia bahawa tidak kesemua makhluk-makhluk tersebut bersifat baik. Ada dari kalangan mereka yang bersifat jahat serta boleh

menimpa penyakit kepada manusia pada bila-bila masa sahaja. Justeru, untuk menangani perkara itu, berbagai amalan perlindungan diri telah dipraktiskan oleh masyarakat Melayu Kedah, terutama amalan yang diwarisi oleh nenek moyang. Tujuannya ialah untuk memastikan keselamatan diri mereka terus terjamin, terutama ketika mengunjungi hutan.

## **2.2 Amalan Perlindungan Diri**

Mengenai perlindungan diri, masyarakat Melayu Kedah mempraktiskan dua amalan, iaitu petua dan pantang-larang (Winstedt 1953). Petua dirumuskan sebagai nasihat, petunjuk, atau panduan yang berguna, yang disampaikan oleh orang-orang yang ahli (misalnya bomoh) berhubung cara menyelesaikan sesuatu masalah atau cara melaksanakan sesuatu perkara supaya memberi pulangan yang paling baik (Haliza 1999:175; Wan Abdul Kadir 2000:65; Hamidah 2013:90; Shariffah Suraya 2010:250; Zainal Kling 2014:15). Pantang-larang pula merujuk kepada suatu peraturan adat yang dipraktikkan dalam sesebuah budaya yang berhubung kait dengan kuasa-kuasa ghaib, seperti tuhan, dewa, roh, atau hantu, di mana peraturan-peraturan tersebut dianggap benar dan diyakini akan memberi kesan buruk kepada pelaku-pelaku yang enggan mematuhi (Freund 1918:32-39; Norazit 1993:172; Wan Abdul Kadir 2000:61; Haliza 2000; Salmah 2010:16; Ani Omar 2014:76). Dalam masyarakat setempat, kedua-dua asas perlindungan diri itu telah diaplikasi dalam pengertiannya yang tersendiri. Ia dilihat telah diaplikasi di setiap proses menuju ke dalam hutan. Bermula di hadapan pintu rumah, di pinggir hutan, di dalam hutan, sehingga kembali ke pintu rumah itu semula. Dengan erti kata lain, di setiap perjalanan menuju ke tempat yang dihajati itu, terdapat amalan-amalannya yang tersendiri yang perlu dipatuhi dan diikuti

### **2.3 Di Hadapan Pintu Rumah**

'Di hadapan pintu rumah' dalam konteks ini merujuk kepada amalan perlindungan diri yang diaplikasi sebelum melangkah kaki keluar daripada rumah. Ia merangkumi beberapa amalan, antaranya ialah membaca petanda alam, memakai tangkal, dan terakhir ialah membaca mantera.

### **2.4 Membaca Petanda Alam**

Petanda alam adalah antara elemen terawal yang diambil kira oleh masyarakat setempat sebelum memasuki hutan. Menurut kepercayaan mereka, alam sekeliling adalah entiti hidup (Endicott 1970, Skeat et al 1984, Winstedt 1993). Ia dikatakan mempunyai 'semangat', dengan elemen itu dikatakan mempunyai hubungan dengan 'semangat' yang terdapat di dalam tubuh manusia. Elemen tidak berkeperibadian itu (semangat) dikatakan akan mencorak alam terlebih dahulu sebagai 'memberitahu', kepada manusia sama ada tindakan manusia itu (ingin memasuki hutan) boleh mengundang natijah baik atau natijah malang. Jika perbuatan itu mengundang natijah malang, alam akan menunjuk petanda suram dan kelam sebagai isyarat kepada manusia. Manakala, jika tindakan itu mengundang natijah baik, suasana terang dan tiupan angin yang sederhana lembut akan menjelma. Manusia akan mengambil pelajaran daripada kedua-dua situasi tersebut sebagai membuat pertimbangan bagi meneruskan perjalanannya ke hutan atau tidak. Ini kerana petanda alam yang kelam melambangkan sesuatu yang tidak baik, seperti penyakit dan nasib malang. Ia dikatakan berada di merata-rata tempat dan boleh mendatangi manusia pada bila-bila masa sahaja. Contohnya, suasana kelam adalah suasana yang digemari oleh Hantu Pari untuk keluar daripada tempat persembunyian mereka. Kesempatan itu sering digunakan oleh makhluk ini untuk menyesatkan manusia.

Orang yang disesatkan itu biasanya disembunyikan di dalam gua atau di sebalik pokok besar serta diberi makan makanan hantu, seperti cacing, siput, dan tulang binatang. Bagi kes lain pula, mangsa juga boleh disakiti dengan cara dirasuk, terutama oleh Hantu Tanah. Tindakan itu tidak akan berakhir di situ sahaja. Ia diteruskan dengan mengawal akal dan semangat mangsa sekembali di rumah. Hal ini pernah dialami oleh saudara Wahab (bukan nama sebenar). Mangsa telah disesatkan di dalam hutan selama dua hari. Sekembali dari hutan, beliau telah menjadi murung dan meracau-racau seorang diri. Bomoh memberitahu bahawa beliau telah dirasuki oleh Hantu Tanah. Mangsa akhirnya pulih seperti sedia kala setelah diubati oleh bomoh. Oleh sebab itu, orang-orang tua di Kedah melarang sama sekali melakukan sebarang aktiviti di hutan ketika suasana kelam. Namun, jika alam menunjukkan petanda terang dan tiupan angin yang sederhana lembut. Maka, perjalanan itu boleh diteruskan sebagai mana biasa kerana telah mendapat restu daripada semangat alam. Pekerjaan yang dilakukan dalam suasana sebegitu dikatakan melambangkan unsur bernasib baik yang tinggi, yang konotasinya ialah diri terlindung daripada bahaya serta pekerjaan yang dilakukan itu diramal akan memberi pulangan yang paling baik.

## **2.5 Memakai Tangkal**

Memakai tangkal adalah kaedah kedua yang digunakan oleh masyarakat Melayu Kedah sebelum menuruni anak tangga rumah. Asasnya kerana ketika di hutan kemungkinan untuk perkara-perkara di luar jangkaan berlaku adalah tinggi. Ini kerana kawasan hutan adalah kediaman bagi makhluk halus. Kedatangan manusia mungkin menjadi alasan bagi makhluk tersebut untuk menyerang manusia akibat dianggap sebagai penceroboh. Oleh sebab itu, sebelum menuruni rumah, orang-orang tua Melayu Kedah membawa sekali

dengan tangkal (dipakaikan di pinggang atau disimpan di dalam kocek) sebagai peneman diri supaya hasrat makhluk tersebut untuk menyakiti mereka ketika di dalam hutan, mahupun ketika di perjalanan tidak kesampaian. Ini kerana tangkal adalah barang berkuasa. Barang itu dikatakan boleh mengeluarkan kuasa sakti, yang dari kuasa itu boleh menghalang hantu jahat daripada menghampiri manusia. Terdapat dua jenis tangkal yang digunakan oleh masyarakat Melayu Kedah dalam kehidupan sehari-hari mereka. Pertama ialah tangkal jampian. Kedua ialah tangkal semula jadi. Tangkal jampian merujuk kepada tangkal yang diberikan kuasa oleh bomoh menerusi jampian. Tangkal yang termasuk dalam kategori ini ialah kain kecil atau kertas kecil yang ditulis dengan kalimah-kalimah tertentu oleh bomoh. Bahan-bahan itu pada mulanya tidak berkuasa tetapi setelah dibaca dan ditulis dengan satu kalimah/mantera khas oleh bomoh (kalimah itu dicipta oleh makhluk halus, namun yang mengizinkan kuasa sakti itu ialah Allah) maka ia bertukar menjadi berkuasa. Tangkal bagi jenis yang kedua pula ialah tangkal semula jadi. Contoh tangkal bagi kategori ini ialah kain penutup kaabah. Tangkal jenis ini mendapat kuasa setelah menyerap aura persekitaran tanah tempat asal kedatangannya (tanah suci Makkah sebagai tempat ibadah umat Islam). Kedua-dua jenis tangkal ini berfungsi dengan cara mengeluarkan kuasa aura panas sebagai mana api, yang apabila terkena mana-mana bahagian tubuh makhluk tersebut, mereka akan berasa sakit, lantas melarikan diri. Hal ini terbukti menerusi kisah Maklong Rabiah (bukan nama sebenar). Anak saudara informan yang kerasukan, apabila didekatkan dengan kain penutup kaabah, secara sendirinya, makhluk yang berada di dalam tubuh mangsa menjerit kepanasan, lantas melarikan diri.

## 2.6 Mantera

Mantera digunakan oleh masyarakat Melayu Kedah sebagai kaedah terakhir sebelum keluar daripada rumah. Banyak versi mantera turun rumah yang digunakan oleh penduduk setempat. Namun versi yang paling kerap digunakan ialah ‘mantera sanggu tubuh’ (dipaparkan di bawah):

*Bismillahirrohmanirrahim*

*Om sanggu*

*Ku sanggu tujuh sanggu*

*Ku sanggu di depan*

*Sanggu di belakang*

*Sanggu di bawah*

*Sanggu di atas*

*Sanggu di kiri*

*Sanggu di kanan*

*Abu Bakar*

Namun bagi menjayakan mantera itu, ada tertib dan susunan-susunannya yang tersendiri, yang perlu dipatuhi. Pertama, individu yang ingin mengunjungi hutan perlu berdiri di bahagian dalam muka pintu rumah terlebih dahulu. Setelah itu, beliau perlu membaca *bismillahirrohmanirrahim* dan menyebut *om sanggu* sambil kaki kanan melangkah keluar daripada rumah dengan diikuti kaki kiri. Semasa di luar rumah, kesemua bait-bait mantera di atas perlulah disebut dengan lengkap sambil bertingkah laku sebagai mana rentak mantera tersebut. Contohnya, jika mantera tersebut berbunyi *sanggu kanan*, maka pelakunya mesti berpaling sedikit ke arah kanan sambil meniup ke

arah tersebut. Ia sebagai simbolik perlindungan diri di sebelah kanan. Manakala, jika bait mantera tersebut berbunyi *sanggu kiri*, maka pelakunya mesti berpaling sedikit ke arah kiri sambil meniup ke arah tersebut. Ia sebagai simbolik perlindungan diri di sebelah kiri. Begitu juga dengan penjuru-penjuru badan yang lain. Prosesnya perlu dilakukan serupa sehingga setiap penjuru disempurnakan keperluan-keperluannya dengan lengkap. Berhubung sumber kuasa, Orang Melayu Kedah percaya mantera itu mendapat kuasa akibat menyebut nama Saidina Abu Bakar as-Siddiq (Sahabat Rasulullah s.a.w). Tokoh itu dikatakan kuat beribadah serta tinggi darjatnya di sisi Allah. Maka, beliau telah diberikan karomah atau kemuliaan di sisi Allah (dalam istilah tempatan disebut keramat). Apabila meninggal dunia, roh tokoh tersebut dikatakan telah diangkat oleh Allah ke langit tetapi oleh kerana darjatnya tinggi di sisi Allah, maka karomah atau kemuliaan itu terus ditinggalkan di bumi. Tujuannya ialah untuk membantu manusia lain menyelesaikan berbagai krisis hidup. Di alam Melayu Kedah, karomah atau ‘tok keramat’ itu dikatakan telah wujud dalam bentuk berkeperibadian tetapi bersifat halimunan serta berada di merata-rata tempat, termasuklah mendampingi pokok-pokok besar serta boleh diseru untuk menyelesaikan berbagai krisis hidup manusia. Dalam kes ini, ‘kemuliaan’ sahabat Rasulullah s.a.w itu telah digunakan bagi memberkati mantera ‘turun rumah’. Ia berfungsi dengan cara menghasilkan satu aura ‘panas’ yang menghalang makhluk halus daripada menghampiri mangsa.

## **2.7 Di Pertengahan Jalan**

Ketika di pertengahan jalan pula, aspek berhubung peraturan di perjalanan juga turut diambil kira oleh penduduk setempat. Ada perkara yang perlu diperhalusi dengan cermat dan tidak boleh dipandang mudah. Pertemuan dengan petanda-petanda tertentu yang

bersifat malang seperti biawak melintas jalan misalnya adalah antara perkara yang dipandang serius oleh penduduk setempat. Masyarakat Melayu Kedah percaya bahawa biawak adalah binatang yang bernasib malang. Justeru, apabila haiwan itu ditemui di perjalanan, maka perjalanan itu perlu dibatalkan serta merta. Mereka percaya bahawa pertemuan itu adalah petanda awal yang disampaikan oleh semangat alam bahawa perjalanan itu kelak akan berakhir dengan natijah malang akibat sial haiwan tersebut. Ini kerana apabila unsur ‘sial’ binatang tersebut terkena kepada manusia, tanpa disedari manusia itu sendiri telah ditandai dengan satu ‘petanda’. Petanda itu memudahkan entiti-entiti lain, terutama makhluk halus mengesani mangsa berbanding individu-individu yang lain. Pada masa yang sama, petanda itu juga seakan-akan menarik aura jahat mendatangi tubuh. Akibatnya mereka mudah diserang oleh hantu, terutama ketika di dalam hutan. Antara bentuk-bentuk penyakit yang boleh dikenakan kepada mangsa ialah sakit kepala atau sakit sendi. Penyakit-penyakit tersebut bukanlah termasuk dalam kategori penyakit berat serta sukar diubati tetapi perkara itu tetap mahu dielak oleh penduduk setempat supaya kesannya tidak berpanjangan. Oleh sebab itu, apabila menemui biawak ketika di perjalanan, orang-orang tua setempat tidak meneruskan perjalanan ke hutan kerana khuatir kes-kes sebegini berlaku terhadap mereka.

## **2.8 Di Pinggir Hutan**

Begitu juga di pinggir hutan, masyarakat Melayu Kedah juga turut mengambil berat akan segala peraturan di pinggir hutan, di mana apabila sampai di sana, mereka tidak terus masuk ke dalamnya melainkan dengan memohon kebenaran terlebih dahulu. Ini kerana hutan adalah kediaman makhluk halus (penjaga hutan). Justeru, sebelum masuk ke hutan, kebenaran perlu dipohon terlebih dahulu. Tujuannya, agar diri-sendiri tidak ditimpah

sebarang musibah ketika di sana, terutama musibah yang didokong oleh penjaga hutan yang bersifat jahat (Werner 1986:7). Hal ini misalnya dapat dilihat terhadap kes saudara Razif (bukan nama sebenar), mangsa yang memasuki hutan tanpa meminta kebenaran telah ditumbuhui oleh bintik-bintik merah serta fizikalnya berubah seakan-akan orang tua. Apabila kes itu dirujuk kepada bomoh, perkara itu disahkan bahawa mangsa telah diludahi oleh hantu ketika di dalam hutan akibat tidak memohon kebenaran. Oleh sebab itu, sebelum memasuki hutan, orang-orang tua Melayu Kedah memohon restu (memohon keizinan kepada penjaga hutan untuk memasuki hutan supaya manusia tidak dianggap sebagai penceroboh) terlebih dahulu agar kelak diri-sendiri tidak mengalami nasib yang serupa sebagai mana mangsa. Cara merealisasikan amalan itu adalah dengan menyebut '*hei datuk nenek yang memegang tanah, api, air, dan angin, anak cucu hendak masuk, harap jaga anak cucu*'. Mesej utama amalan itu ialah untuk memberitahu kepada makhluk tersebut akan kedatangan manusia di tempat mereka, selain sebagai simbolik mengiktiraf mereka sebagai penjaga di tempat tersebut. Tindakan itu hakikatnya memberi manfaat kepada manusia sendiri, di mana manusia bukan sahaja tidak diganggu oleh makhluk tersebut, malah diri manusia juga turut terhindar daripada sebarang musibah fizikal yang lain, antaranya ialah serangan binatang buas atau kemalangan akibat terkena kayu atau parang.

## **2.9 Di Dalam Hutan**

Sebaik memasuki hutan, peraturan-peraturan di dalam hutan juga turut diberi perhatian oleh penduduk setempat. Ini kerana mereka menyedari bahawa hutan adalah kediaman bagi makhluk halus serta binatang buas. Justeru, manusia tidak boleh bertindak sewenang-wenangnya. Setiap perbuatan manusia, sama ada baik atau sebaliknya

sentiasa diambil cakna dan dihakimi oleh makhluk-makhluk tersebut. Sekalipun perbuatan itu tidak melanggar norma, tetapi jika keputusannya dianggap sebagai 'buruk/jahat', maka balasannya adalah penyakit atau disesatkan di tengah rimba. Pengalaman sebegini mengajar manusia bahawa kawasan yang dikunjungi mereka itu penuh dengan peraturan (atau pantang-larang) yang tidak dapat diduga oleh akal manusia. Justeru, 'fiel' itu perlulah berusaha dipatuhi supaya nasib malang sebagai mana sebelum-sebelum ini terhindar sama sekali. Berikut adalah bentuk pantang-larang yang telah dibudayakan oleh masyarakat Melayu Kedah di tengah-tengah rimba.

Pertama, dilarang melaung atau bercakap dengan kuat di tengah hutan kerana dikhawatir perbuatan itu disahut hantu. Termasuk juga dalam konteks ini ialah bersenda gurau tanpa batasan serta bersiul di tengah hutan. Menurut bomoh, hutan adalah kediaman makhluk halus. Misalnya, kawasan bukit merupakan kediaman kepada hantu pari serta bunian. Justeru, tindakan membuat bising dikhawatir mengganggu kehidupan mereka atau dalam kes lain, menarik perhatian mereka untuk mengajuk bunyan tersebut, lantas mendatanginya. Jika perbuatan manusia itu dinilai sebagai melanggar norma di tempat tersebut, hukumannya adalah dirasuk (perbuatan penguasaan jiwa oleh makhluk tersebut sehingga mangsa berperangai seperti makhluk yang merasukinya). Tujuannya ialah untuk memakan unsur penting tubuh serta memaklumkan kepada manusia lain bahawa perbuatan mangsa itu (membuat bising) adalah melanggar peraturan di tempat tersebut serta diharapkan perbuatan itu tidak diulangi lagi. Hukuman lain pula ialah disesatkan di tengah rimba. Tindakan tersebut dilakukan dengan memasuki rongga tubuh manusia serta bertindak mengawal akal mereka sehingga manusia tidak mengingati jalan asal yang dilalui. Kes Makcik Hajar (bukan nama sebenar) ketika remaja misalnya. Dalam

perjalanan ke kampung sebelah, akibat membuat bising dan bergurau senda dengan saudara-saudaranya, informan secara tiba-tiba telah mengikuti jalan yang lain daripada jalan yang asal. Beliau beranggapan bahawa jalan itu adalah jalan yang tepat kerana bentuk fizikalnya adalah lurus dan bersih. Namun, apabila tersedar akibat ditegur oleh saudaranya yang lain, beliau mendapati jalan yang dilaluinya itu adalah hutan belukar. Informan dimaklumkan bahawa perbuatannya membuat bising itu menjadi asbab beliau telah disesatkan oleh makhluk tersebut.

Masyarakat Melayu Kedah juga melarang perbuatan bercakap besar kerana perbuatan itu tidak disukai oleh makhluk halus, binatang hutan, serta elemen-elemen alam (tumbuh-tumbuhan dan batu-batuan) yang lain. Perbuatan bercakap besar merujuk kepada tindakan merendah-rendahkan kekuatan dan kebolehan makhluk-makhluk tersebut dengan niat menonjolkan bahawa diri-sendiri lebih berwibawa daripada makhluk-makhluk tersebut. Contohnya, seseorang mengeluarkan kenyataan bahawa beliau tidak takut akan makhluk halus serta pada bila-bila masa sahaja boleh menyakiti mereka. Perbuatan sebegini walaupun tidak diungkapkan di hadapan makhluk tersebut, namun ia dipercayai tetap boleh didengari oleh makhluk tersebut. Ini kerana makhluk-makhluk tersebut dipercayai mempunyai semangat yang mendasari jasad mereka. Oleh itu, apabila manusia mengeluarkan kenyataan sedemikian, secara sendirinya, kata-kata hinaan itu akan terdetik di sanubari mereka. Justeru, apabila manusia mengunjungi hutan, manapun spesis daripada makhluk tersebut akan tergerak hati untuk membala dendam. Balasan itu adalah dalam bentuk penyakit. Jenis sakit tersebut bergantung kepada bentuk hinaan yang diungkapkan kepada mereka. Contohnya, jika individu tersebut

mengeluarkan kenyataan bahawa beliau tidak menggeruni Hantu Raya, maka apabila di hutan beliau akan disakiti oleh makhluk tersebut.

Pantang-larang ketiga ialah manusia dilarang mengambil atau merosakkan pokok kayu, batu-batuan, atau bunga-bungaan yang terdapat di hutan kerana perbuatan itu boleh menimbulkan kemarahan makhluk halus. Masyarakat Melayu Kedah percaya bahawa segala elemen fizikal yang terdapat di hutan adalah milik makhluk halus. Justeru, apabila manusia menjajakan kaki ke hutan, mereka dilarang sama sekali mengganggu serta mengubah elemen-elemen fizikal yang telah sedia ada. Jika perbuatan itu tetap juga perlu dilakukan, maka mereka disarankan supaya memohon kebenaran terlebih dahulu. Perbuatan yang dilakukan tanpa memohon kebenaran dipercayai boleh melukakan hati makhluk halus. Balasan atas perbuatan itu ialah penyakit. Perkara itu terbukti benar menerusi pengalaman Maklong Aisyah (bukan nama sebenar), iaitu invidudu yang pernah disakiti oleh makhluk halus akibat kesalahannya sendiri. Dalam kes ini, akibat memetik bunga hutan tanpa meminta kebenaran, jari-jemari informan telah membengkak dengan serta-merta serta terasa seperti dicucuk-cucuk jarum. Bomoh berpendapat, keadaan itu berlaku kerana beliau telah memetik tumbuh-tumbuhan tersebut tanpa meminta kebenaran. Oleh sebab itu, masyarakat Melayu Kedah menegah sama sekali perbuatan mengambil dan mengubah elemen tertentu yang terdapat di hutan tanpa meminta kebenaran.

Masyarakat Melayu Kedah juga melarang seseorang itu tidur di tepi sungai kerana tindakan itu dikhuatiri dimakan hantu. Menurut Tok Teh (bukan nama sebenar), masyarakat Melayu Kedah meyakini bahawa sungai adalah rumah kepada hantu air, selain tempat makhluk-makhluk ghaib yang lain bermain. Pada masa yang sama, menjadi

sumber minuman kepada binatang. Justeru, perbuatan tidur di tepi sungai secara tidak langsung boleh memudaratkan keselamatan diri kerana dikhuatiri lokasi tidur yang dipilih itu telah terlebih dahulu menjadi lokasi permainan hantu, selain laluan haiwan buas mencari air. Jika perbuatan itu tetap dilakukan di situ, maka kemungkinan pelakunya untuk ditimpa sakit adalah tinggi. Hal ini terbukti menerusi kisah Zainal (bukan nama sebenar), di mana beliau telah diganggu oleh makhluk tersebut semasa tidur di tepi sungai selepas menjaring ikan. Dalam hal ini, rumah kecil yang dibina di tepi sungai (dalam istilah tempatan disebut *candet*) telah dibaling pasir dari sebelah atas rumah, selain binaannya digoyang-goyangkan. Apabila kes dirujuk kepada bomoh, bomoh mengesahkan bahawa perbuatan itu dilakukan oleh hantu air yang tidak berpuas hati dengan tindakan mangsa.

Pantang-larang terakhir pula ialah larangan agar seseorang itu tidak tidur di atas pokok. Ini kerana pokok adalah kediaman kepada berbagai jenis hantu, seperti Hantu Tanah dan Hantu Raya. Justeru, perbuatan tidur di atas pokok adalah berbahaya kepada diri-sendiri kerana dikhuatiri perbuatan itu mengundang kemurkaan hantu. Hal ini dapat dibuktikan menerusi kisah Omar (bukan nama sebenar). Ketika informan memasuki hutan pada malam hari, informan telah terpandang suatu makhluk yang berkemaluan besar sedang berehat di atas pokok. Apabila peristiwa itu dimaklumkan kepada penduduk-penduduk kampung yang lain, mereka berpendapat bahawa makhluk yang berfizikal sedemikian itu adalah Hantu Raya serta pokok tersebut adalah kediamannya. Pada masa yang sama, perbuatan tidur di atas pokok juga, boleh mengakibatkan pelakunya terjatuh. Atas alasan sebeginitulah menyebabkan orang-orang tua Melayu Kedah melarang sama sekali perbuatan tidur di atas pokok kerana dikhuatiri pokok yang dipilih itu menjadi kediaman

makhluk halus. Jika perbuatan itu tidak diendahkan, pelakunya akan menerima penyakit misteri. Contohnya, kerasukan, sakit perut, atau kemaluan membengkak. Oleh sebab itu, ketika di hutan, masyarakat Melayu Kedah sangat menjaga tingkah laku mereka. Segala peraturan di tempat tersebut berusaha dipatuhi dengan sebaik mungkin kerana mereka mengetahui bahawa tempat yang dilawati itu adalah kediaman makhluk lain.

## **2.10 Sebelum Memasuki Rumah**

Amalan terakhir ialah amalan sebelum memasuki rumah. Amalan ini merujuk kepada satu amalan khas yang berbentuk ‘mengarah’ yang diadakan selepas pulang daripada kawasan keras. Tujuannya adalah untuk mengarahkan hantu jahat supaya jangan mengekor manusia, sebaliknya pulang kembali ke tempat asal mereka kerana kedatangan mereka tidak diterima oleh manusia. Amalan ini adalah amalan terakhir masyarakat Melayu Kedah serta pelengkap kepada sistem perlindungan diri yang diamalkan selama ini. Cara merealisasikan amalan ini ialah dengan membuat satu garisan di hadapan halaman rumah dengan menggunakan kaki sambil mengungkap ‘*jika engkau ada, engkau jangan lepasi garisan ini kerana aku tidak mahu bersahabat dengan engkau*’. Mesej utama amalan ini ialah untuk memberitahu kepada makhluk tersebut bahawa manusia tidak mahu bersahabat dengan mereka serta meminta mereka pulang kembali ke tempat asal mereka. Justeru, jika makhluk tersebut berada di situ, mereka akan menyedari bahawa kehadiran mereka tidak diperlukan oleh manusia. Sebagai tindak balas, mereka akan segera beredar dari tempat tersebut serta kembali ke dunia tempat kelahiran mereka. Sebagai manfaat, manusia terhindar daripada sebarang penyakit bawaan makhluk tersebut. Dengan berakhirknya amalan tersebut, amalan

perlindungan diri masyarakat Melayu Kedah juga deduksikan tamat serta telah lengkap sepenuhnya.

### **3.0 Kesimpulan**

Perbincangan di atas telah merungkai rupa bentuk perlindungan diri masyarakat Melayu Kedah ketika di hutan, iaitu perlindungan diri daripada personalistik. Rumusan yang dapat dibuat ialah pengalaman buruk, seperti dirasuk hantu adalah antara contoh pengalaman yang dilihat menjadi asas yang mencetus prinsip perlindungan diri dalam masyarakat Melayu Kedah. Prinsip perlindungan diri yang di dalamnya mengandungi petua dan pantang-larang itu pula diadun dan dibentuk menerusi proses uji-menguji dan mengadaptasi dengan ekologi tempatan, iaitu alam fizikal setempat dan alam bukan fizikal (semangat serta hantu baik). Dalam masyarakat Melayu Kedah, asas perlindungan diri itu dilihat telah diaplikasi di setiap proses menuju ke hutan, sama ada ketika di hadapan pintu rumah, di pinggir hutan, di dalam hutan, mahupun di hadapan pintu rumah itu semula. Dengan erti kata lain, di setiap perjalanan menuju ke tempat yang dihajati itu, terdapat amalan-amalannya yang tersendiri yang perlu dipatuhi dan diikuti, dengan setiap amalan tersebut dilihat telah berfungsi dengan berkesan dan holistik di kedudukan masing-masing.

## Rujukan

- Aishah @ Eshah Mohamed & Abd. Haji Bidin. 2010. Makanan dan Kepercayaan Tentang Etiologi Penyakit: Kes Orang Melayu Kelantan. *Jurnal Melayu* 2: 29-46.
- Ani Omar. 2014. Pantang-Larang dalam Kalangan Orang Melayu: Analisis dari Perspektif Teori SPB4K. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu* 7 (1): 76-97.
- Endicott, K. M. 1970. *An Analysis of Malay Magic*. First Edition. Selangor. Oxford University Press.
- Foster, G.M. & Anderson, B.G. 1978. *Medical Anthropology*. New York: John Wiley & Sons.
- Foster, G.M. 1983. An Introduction to Ethnomedicine. Dalam Bannerman, R. H., Burton J., & Wen-Chieh, C. (Pnyt.). *Traditional Medicine and Health Care Coverage*. Geneva. World Helath Organisation.
- Freud, S. 1918. *Totem dan Tabu*. Terj. Kurniawan Adi Saputro. Yogyakarta: Penerbit Jendela.
- Haliza Riji. 1999. Penjagaan Kesihatan dan Rawatan: Prinsip dan Teori dalam Perubatan Melayu. Tesis Ph.D yang tidak diterbitkan, Jabatan Pengajian Melayu, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Hamidah Abdul Wahab. 2013. Petua dan Pantang-Larang dalam Alam Melayu Sarawak. *International Journal of The Malay World and Civilisation (Iman)* 1(1): 89-97.
- Hart, D.V. 1979. Disease Etiologies of Samaran Filipino Peasants. Dalam Morley, P. & Wallis, R. (Pnyt.). *Culture and Curing: Anthropological Perspectives on Traditional Medical Beliefs and Practices*. U.S.A: University of Pittsburgh Press. Hlm 57-98.
- Hashim Awang A.R. 1990. *Pengantar Antropologi Perubatan*. Kuala Lumpur: Dewan

Muhd Abdul Hadi Johari & Ahmad Hakimi Khairuddin, "Perlindungan Diri Di Hutan Daripada Penyakit Bawaan Personalistik: Perspektif Masyarakat Melayu Kedah" JMS Vol. 1 Issue 1 (2018): 54-77

Bahasa dan Pustaka.

Mohd. Koharuddin Mohd Balwi. 2003a. Sains Perubatan Naturalistik Melayu: Satu Kajian

Awal. *Jurnal Kemanusiaan* 17(2): 34.

Norazit Selat. 1993. *Konsep Asas Antropologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan

Pustaka.

Ross, A. I. 2012. *The Anthropology of Alternative Medicine*. London: Berg.

Salmah Omar. 2010. Penjagaan Kesihatan Masyarakat Malanau Islam Kampung Jepak,

Bintulu Sarawak. Tesis Ph.D yang tidak diterbitkan. Jabatan Sosiobudaya, Akademi

Pengajian Melayu, Universiti Malaya Kuala Lumpur.

Skeat, W. W., Blagden, C. O., & Hood Salleh. 1984. *Malay Magic being An Introduction to The Folklore and Popular Religion of The Malay Peninsula*. Singapore: Oxford University Press.

Syariffah Suraya. 2010. Penjagaan Kesihatan Wanita Melayu Kampung Selarong, Perak.

Tesis Ph.D yang tidak diterbitkan. Jabatan Sosiobudaya, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya Kuala Lumpur.

Wan Abdul Kadir Wan Yusoff. 2000. *Tradisi dan Perubahan Norma dan Nilai Di Kalangan Orang-Orang Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Masfami Enterprise.

Werner, R. 1986. *Bomoh-Poyang: Traditional Medicine and Ceremonial Art of The Aborigines Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti of Malaya.

Winstedt, R.O. 1925. *Shaman Saiva and Sufi: A Stady of The Evolution of Malay Magic*. London: Constable & Company LTD.

Winstedt, R.O. 1953. *The Malay Magician being Shaman, Saiva, and Sufi*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Muhd Abdul Hadi Johari & Ahmad Hakimi Khairuddin, "Perlindungan Diri Di Hutan Daripada Penyakit Bawaan Personalistik: Perspektif Masyarakat Melayu Kedah" JMS Vol. 1 Issue 1 (2018): 54-77

Zainal Kling 2014. Tafsiran Pantang-Larang dan Petua. Kertas Kerja dibentangkan dalam *Seminar Pantang-Larang Masyarakat di Selangor*, pada 25-26 November di Dewan Raja Lumu, Muzium Sultan Alam Shah, Selangor, anjuran Perbadanan Adat Melayu & Warisan negeri Selangor.